

BAB VI

PENUTUP

6.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis akan mengemukakan berbagai temuan kajian yang telah dilakukan, bermula dari kesimpulan tentang posisi al-Ash`arī dalam pemikiran kalam, diikuti dengan status pemikiran kalam al-Ash`arī itu sendiri di tengah-tengah aliran kalam lainnya. Kemudian, kesimpulan tentang pemikiran teologi masyarakat Islam Jambi dan kecenderungan fahaman teologinya. Terakhir penutup serta rekomendasi untuk bahan pegangan dalam khazanah pemikiran keagamaan.

6.1 KESIMPULAN

6.1.1 Kedudukan al-Ash`arī Sebagai Seorang Teologis

Al-Ash`arī, Abū al-Ḥasan `Alī Ismā`īl ibn Ishāq ibn Sālīm ibn Ismā`īl ibn `Abd Allah ibn Mūsā ibn Bilāl ibn Abī Bardah ibn Abī Mūsā al-Ash`arī, merupakan mutakallim terbesar yang pernah dimiliki oleh dunia Islam. Ketokohnya sebagai seorang teolog besar diakui oleh semua pihak, sehingga, menurut terminologi *kalām*, aliran Ahl al-Sunnah disamakan dengan aliran yang dibawanya, al-Ash`ariyyah.

Al-Ash`ariyyah sebagai sebuah aliran teologi, telah tersebar ke dunia Islam dan pada umumnya telah diterima oleh umat Islam, termasuk umat Islam Indonesia dan Malaysia, mereka adalah penganut faham teologi al-Ash`ariyyah. Diterimanya faham aliran ini secara luas, tidak terlepas dari kenyataan, bahawa al-Ash`ariyyah merupakan “*middle way*” antara dua faham yang dianggap “ekstrim” pada saat kemunculannya; Jabariyyah *versus* Qadariyyah. Problematika, yang dalam realiti

kesejarahannya ditandai dengan adanya perdebatan panjang antara dua aliran tersebut, adalah persoalan kehendak (*will*) manusia di hadapan *taqdir* (*predestination*) yang telah ditentukan Allah. Aliran pertama berfahaman bahawa seluruh perbuatan manusia terjadi kerana ditentukan oleh kekuasaan Allah, sedangkan aliran kedua berpendapat bahawa perbuatan manusia berasal dari dirinya sendiri.

Maka Abū al-Ḥasan al-Ash`arī, dengan sistematika pemikiran *kalāmnya*, berusaha untuk membuat “modus vivendi” antara faham Jabariyyah dan Qadariyyah. Reformasi al-Ash`arī, tercatat sebagai salah satu yang amat berjaya dalam sejarah pemikiran Islam. Beliau telah berhasil “melumpuhkan” gerakan kaum Muktazilah dengan menggunakan logika mereka sendiri. Kemudian dengan sistem teologinya itu, ia menjadi tokoh umat dalam menjawab tantangan gelombang pertama *Hellenisme*. Ia tidak hanya telah mengukuhkan faham Sunni, tetapi bahkan menyelamatkan umat Islam itu sendiri dari bahaya Hellenisasi.

Al-Ash`arī juga dipandang sebagai seorang yang telah memberikan sumbangan besar dalam khazanah pemikiran Islam. Dengan sistematika dan argumentasi yang dianjurkannya, teologi atau ilmu *kalam* mulai memperoleh kedudukan yang berharga dalam bangunan intelektual Islam. Sebagai ‘*modus vivendi*’ antara faham Jabariyyah dan Qadariyyah, al-Ash`ariyyah adalah merupakan penengahan antara dogmatisme kaum Sunni konservatif dan Rasionalisme kaum Muktazilah. Dari sudut pandang ini, nampak bahawa kemunculan al-Ash`ariyyah telah memberikan pengaruh positif bagi pengembangan ilmu *kalām*, di samping telah membendung bahaya Hellenisme di dunia Islam.

6.1.2 Benarkah Teologi al-Ash`ari Fatalisme ?

Sebagaimana disebutkan, tuduhan fatalisme yang dilemparkan kepada al-Ash`ari, adalah berkisar dalam diskusi masalah perbuatan manusia (*af`āl al-ibād*). Dalam masalah ini, Ash`ari sering dijadikan sasaran kritikan dan dituduh fatalisme atau Jabariyyah. Yang menjadi persoalan dalam diskusi tentang perbuatan manusia ini ialah sejauh mana manusia itu mampu menentukan tindakannya, dan sejauh mana pula ia tidak berdaya dalam menentukan tindakannya itu bila berhadapan dengan qudrat dan *irādat* Tuhan. Dengan kata lain, apakah manusia itu bebas dan merdeka dalam kehendak dan perbuatannya atau ia terikat dan terpaksa oleh *qudrat* dan *irādat* Tuhan.

Dalam kaitan itu, al-Ash`ari mengajukan konsep *kasb* (perolehan, *acquisition*). Menurutny, perbuatan-perbuatan manusia diciptakan oleh Tuhan. Sebenarnya, dalam konsep *kasb* ini, al-Ash`ari ingin menyatakan bahawa di dalam perbuatan itu terdapat dua *fā`il*, Tuhan dan manusia. Walaupun perbuatan manusia itu diciptakan oleh Tuhan, namun dapat difahami bahawa ia tidak mutlak pasif tetapi justeru aktif walaupun dalam kadar minimal. Kemudian, teori *kasb* itu dapat difahami dengan suatu pemahaman yang penuh mengandung etos kerja yang positif dan kuat. Kerana, di samping teori *kasb*, al-Ash`ari juga mengakui adanya ikhtiar bagi manusia, di mana manusia wajib berusaha, berdo'a dan akhirnya menyerahkan kemungkinan hasil usahanya itu kepada Allah s.w.t., sekaligus doktrin ini memformulasikan sebuah etika moraliti manusia, dalam menghadapi tantangan kehidupan sehari-hari, apabila berdepan dengan Allah s.w.t. yang terrefleksikan dalam ungkapan-ungkapan seperti, "*nasib, taqdīr*" itu semuanya kehendak Allah...! dan sebagainya.

Ungkapan-ungkapan tersebut di atas, misalnya percaya kepada *taqdīr*, tidak bererti meletakkan seseorang itu berfaham Jabariyyah atau fatalisme kerana Islam

adalah agama yang mementingkan amalan (ikhtiār), sebagaimana yang diisyaratkan oleh al-Ash`arī, dalam konteks keimanan seseorang, iman bukan hanya mengetahui atau membenarkan bahawa Allah itu ada, tetapi juga meletakkan posisi amal (ikhtiār) itu amat penting dalam doktrin keimanan itu sendiri. Jadi, jika tidak berlebihan, dapat dikatakan bahawa yang dimaksud oleh al-Ash`arī dengan teori *al-kasb* itu ialah “perolehan” seperangkat alat atau infrastruktur yang diberikan kepada manusia untuk digunakan dalam perjalanan kehidupan di dunia. Seperangkat alat itu ialah daya, ikhtiār dalam perbuatan. Sebagai contoh, Tuhan memberikan energi kepada manusia dan malaikat. Energi yang diberikan kepada manusia tidak sama dengan energi yang diberikan-Nya kepada malaikat. Energi yang diberikan Tuhan kepada manusia disertakan dengan seperangkat alat, iaitu berupa amal atau ikhtiār dalam perbuatan, dan inilah yang diistilahkan dengan *al-kasb*. Sedangkan energi yang diberikan kepada malaikat tidak disertakan dengan seperangkat alat tersebut. Dengan seperangkat alat itulah muncul apa yang disebutkan dengan “*hisāb*”.

Berdasarkan adanya prinsip `amal, dalam kehidupan seseorang muslim, maka sesungguhnya percaya kepada takdir sama sekali tidak mengandung kesan fatalisme, sebab fatalisme itu mengandung sikap Jabariyyah, menyerah kalah, kepada nasib atau *fate* yang mengandung tidak ada usaha (*inactivity*). Oleh itu, percaya kepada takdir yang dikehendaki oleh Islam adalah menyuruh manusia beramal dan berusaha, dan mustahil ‘takdir’ memiliki makna menentang aktiviti dan amal perbuatan. Dengan kata lain, adanya ikhtiār dalam perbuatan, di samping tidak menafikan adanya takdir Allah yang membuat manusia berghairah dan dinamis. Dengan demikian, di dalam teori *kasb* tersebut manusia tetap memiliki peranan, iaitu berusaha melaksanakan pekerjaannya, walaupun usahanya itu terbatas dalam ‘*corridor*’ kekuasaan mutlak Tuhan. Dalam perkataan lain, manusia tidak dalam keadaan terpaksa, tapi ia juga tidak

bebas. Ringkasnya, manusia itu, dalam perbuatannya, tidak terpaksa secara mutlak, namun juga tidak bebas tanpa batas. Jadi, secara teoritis, teori *kasb* itu mengandung aspek dinamis. Sebagaimana telah disinggung pula, bahwa kehadiran al-Ash'arī dengan teori *kasb*-nya itu adalah bermaksud mengambil sikap *Middle Way* (poros tengah) antara dua faham yang dianggap “ekstrem” saat itu; Jabariyyah versus Qadariyyah. Artinya ia tidak setuju dengan pendapat kaum Jabariyyah dan juga pendapat kaum Qadariyyah. Oleh sebab itu, ia mestinya tidak boleh dikategorikan kepada salah satu dari dua aliran faham tersebut secara mutlak, baik kepada Jabariyyah maupun Qadariyyah.

Di samping itu, untuk menilai sejauh mana kedinamisan dan kestatisan, keaktifan dan kepasifan suatu aliran kalam, standard yang lazim digunakan adalah sejauh mana akal mendapat penghargaan. Dalam hal ini, al-Ash'arī, yang berkeinginan menjalin kedua kelompok yang saling bertentangan (Jabariyyah dan Qadariyyah), menggunakan metodologi “Jalan Tengah”. Artinya, di samping menggunakan argumentasi *tekstual*, ia juga menggunakan argumentasi *rasional*. Kemampuan al-Ash'arī menggunakan argumentasi *rasional*, yang berisikan argumen-argumen logik dan dialektis, merupakan hasil dari pengalamannya ketika menjadi ahli “parti” Mu'tazilah. Di dalam risalahnya, *Istihṣān al-Khawḍ fī 'Ilm al-Kalām*, al-Ash'arī menjelaskan pentingnya penggunaan logika dalam soal *'aqidah* berdasarkan nas-nas *naqliyyah* dan argumen-argumen *'aqliyyah*. Al-Ash'arī juga menyatakan bahawa hukum shara' yang pencapaiannya melalui naṣ harus dikembalikan kepada dasar shara' yang berupa naṣ, dan masalah *'aqliyyah* harus pula dikembalikan kepada proporsinya; jangan masalah *'naqliyyah* dicampuradukkan dengan masalah *'aqliyyah* atau sebaliknya.

Jadi, dapat ditegaskan bahwa dalam soal agama dapat digunakan argumentasi tekstual (*`aqliyyah*) dan rasional (*naqliyyah*) sekaligus. Di antara masalah agama itu ada yang berhajat kepada argumen rasional (*`aqliyyah*), ada pula yang hanya dengan argumen tekstual (*naqliyyah*), dan ada pula yang dapat dicapai melalui argumen rasional (*`aqliyyah*) sekaligus argumen tekstual (*naqliyyah*). Masing-masing, *`aql* dan *naql*, mempunyai wilayah tersendiri. Kemudian, fungsi akal dalam masalah-masalah yang lain seperti fungsi akal untuk mengetahui soal pokok agama, iaitu tentang adanya Tuhan serta tentang baik dan buruk, dapat disimpulkan bahawa akal di dalam sistem kalam al-Ash`ari⁷ sungguh mempunyai peranan aktif.

Kerana akal mempunyai peranan aktif, maka harus diakui bahawa di dalam faham “teologi” al-Ash`ari⁷ terdapat aspek dinamisme, suatu aspek yang memacu pengikutnya untuk sentiasa berfikir dan berkarya serta menciptakan penemuan-penemuan baru; mendorong atau setidak-tidaknya, membiarkan umat untuk melakukan reinterpretasi dan reaktualisasi terhadap berbagai ajaran agama demi mengantisipasi perkembangan zaman dan pola kehidupan sosial yang selalu dinamis pula.

6.1.3 Pemikiran Teologi Masyarakat Islam Jambi

Paparan data serta hasil-hasil analisisnya, sebagaimana terhurai pada bab-bab sebelumnya, terlihat bahawa masyarakat Islam Jambi memperlihatkan konsistensi semangat puritanismenya, kerana tetap mempertahankan ciri-ciri ke-Ash`ariannya, dengan sentiasa memperlihatkan doktrin kalam al-Ash`ari⁷ (al-Ash`ariyyah) dalam setiap aktiviti keseharian. Ini terbukti ketika mereka mengungkapkan pandangannya terhadap masalah sifat-sifat Tuhan. Masyarakat Jambi meyakini akan adanya sifat-sifat Allah, terlepas dari berapa jumlah dan bagaimana kedudukan sifat-sifat tersebut

menurut pemahaman mereka, tampaknya keyakinan mereka tersebut lebih mendekati kepada pemahaman teologi al-Ash`ariyyah yang mengakui akan adanya sifat-sifat bagi Allah. Jadi mereka bukanlah golongan *mu`aṭṭilah*, yang menganggap tidak adanya sifat-sifat bagi Allah, dan juga bukan pengikut Muktazilah. Kemudian, dalam akidah, mereka berusaha untuk beriman kepada Allah dengan cara *tafṣīl*, bukan dengan cara *mujmal*, seperti umumnya pengikut Salafiyah. Bahkan mereka jauh berbeza dari kelompok salafiyah dengan menyetujui konsep metafora terhadap ayat-ayat *mutashābihat*, dan mereka juga tidak boleh disamakan dengan kelompok *mujassimah*.

Kecenderungan yang sama, juga terlihat ketika mereka mengemukakan pandangannya tentang *ru`yat* Tuhan, mereka tetap mengikuti al-Ash`ari yang memandang bahawa Allah akan dapat dilihat oleh orang-orang mukmin di akhirat. Namun kerana *al-ru`yat* adalah suatu yang *jā`iz* bagi-Nya, maka Allah boleh menjadikan manusia dapat melihat-Nya atau sebaliknya. Di samping itu, *ru`yat* Tuhan merupakan keistimewaan bagi orang-orang mukmin. Demikian pula dalam memahami *kalām* Tuhan. Menurut mereka, kalam Tuhan adalah *kalām nafsī* yang berupa *ma`nā* yang terkandung di sebalik ayat-ayat al-Qur`an dan sifatnya *qadīm*.

Kemudian, tentang janji dan ancaman Tuhan, mereka berpendapat bahawa mukmin pelaku dosa besar tetap dianggap sebagai mukmin dan hukumannya terserah kepada kekuasaan Allah. Allah dapat menghukumnya sesuai dengan kesalahannya atau mengampuninya kemudian memasukkannya ke dalam surga dengan rahmat-Nya. Kerana itu, menurut mereka, mukmin pelaku dosa besar tidak kekal di dalam neraka. Pemahaman tentang janji dan ancaman Tuhan tersebut erat kaitannya dengan masalah iman dan hari akhirat. Sehubungan dengan itu, mereka berpandangan bahawa amal

tidak merusak iman. Kerana itu, pelaku dosa besar tetap sebagai mukmin dan hukumannya di akhirat terserah kepada Tuhan.

Oleh kerana itu, dalam masalah iman, mereka lebih menekankan pada pengertian pembenaran dengan hati dan pengucapan dengan lisan. hal ini dimaksudkan agar orang mukmin yang berdosa besar tidak digolongkan ke dalam kategori fasik, kafir atau musyrik, sebab mereka ini tidak mendapat pembatalan siksaan atau shafa'at dari Nabi s.a.w. mereka tetap mukmin, sehingga masih ada harapan mendapat shafa'at dan pembatalan siksaan.

Selanjutnya, masyarakat muslim Jambi meyakini akan kemutlakan kehendak dan kekuasaan Allah atas semua makhluk, termasuk yang menimpa diri mereka sendiri. Dengan perkataan lain, mereka sangat percaya pada mutlaknya kekuasaan Tuhan. Tuhan berbuat semata-mata kerana kekuasaan mutlakNya, sesuai dengan tendensi mereka ini, maka keadilan Tuhan mereka ertikan bahawa Tuhan akan berbuat apa saja yang dikehendaki-Nya atas semua yang dimiliki-Nya, tanpa terikat kepada sesuatu ketentuan. Jadi, Tuhan mempunyai kekuasaan mutlak terhadap makhluknya dan berbuat sekehendak-Nya dalam kerajaan-Nya. Tuhan akan tetap dikatakan adil terhadap apa saja yang Dia kerjakan. Sehubungan dengan keyakinan mereka tersebut, maka mereka percaya bahawa ketentuan Tuhan terhadap kehidupan mereka di dunia ini, semuanya terjadi dengan ketentuan Tuhan semata. Meskipun mereka, sejak awal, telah berusaha melaksanakan ikhtiar atau *al-kasb*, namun apapun natijah dari ikhtiar tersebut tetap diserahkan kepada Pencipta. Dalam konteks ini, ketentuan *qaḍā* dan *qadar* Tuhan berlaku dan mesti mereka terima dengan *tawakkal*.

Jadi, dapat ditegaskan bahawa faham akidah masyarakat muslim Jambi tentang kekuasaan mutlak Tuhan, tetap konsisten mengikuti fahaman teologi al-Ash'ari.

Meskipun dalam konteks “kekuasaan dan kehendak mutlak Tuhan” ini mereka tampak lebih cenderung mengikuti faham akidah al-Ash`ariyyah. Atau telah mengadopsi secara penuh pelbagai pemikiran yang telah ada di kalangan ulama teologi al-Ash`ariyyah, seperti pendapat mereka bahawa Allah s.w.t. sebagai zat yang tertinggi dan Maha berkuasa, tidak satupun yang mengikat-Nya untuk memenuhi kewajipan-kewajipan. Inilah pendapat semua tokoh ulama al-Ash`ariyyah. Namun semuanya itu merupakan sebuah proses rasionalisasi dari pendapat al-Ash`ari itu sendiri, yang merupakan perkembangan dari khazanah pemikiran *kalām*.

Dalam masalah perbuatan manusia, mereka sebagaimana juga al-Ash`ari, berpendapat bahawa perbuatan-perbuatan manusia diciptakan Tuhan seluruhnya sebab Tuhan adalah sebenar-benar Pencipta. Namun, mereka juga mengakui adanya ikhtiār bagi manusia di dalam perbuatannya, sehingga dapat dikatakan bahawa manusia mempunyai sumbangan yang efektif dalam mewujudkan perbuatannya. Dalam erti kata lain, manusia tidak menciptakan perbuatannya, sebab, pada hakikatnya, manusia tidak boleh berbuat apa-apa tanpa adanya Tuhan. Namun, manusia mempunyai kebebasan untuk mengarahkan daya yang diberikan Tuhan kepada manusia sesuai dengan kehendak dan kemauannya.

Pemahaman masyarakat Islam Jambi, sebagaimana pendahulunya al-Ash`ari, lebih menekankan kepada faham keagungan dan kemahakuasaan Tuhan di dalam bersikap dan bertindak. Mereka tidak mahu terjerumus ke dalam faham yang menyamakan tuhan dengan makhluk-Nya, mereka ingin memurnikan ketauhidan mereka sehingga tampak bahawa Tuhan benar-benar unik dan tidak ada satupun yang boleh menyamai kekuasaan-Nya. Namun disebalik itu, mereka juga meyakini bahawa manusia mempunyai keterlibatan dalam menentukan perbuatannya, kerana Allah juga

memberikan hidayah kepadanya. Dengan hidayah Allah itu, manusia mampu menentukan dan memilih arah kehidupannya.

Kemudian, dalam merealisasikan doktrin akidah tersebut, mereka tampak begitu dinamik dan kreatif. Dalam perkataan lain, faham al-Ash`ari yang mewarnai kehidupan umat Islam di Jambi memperlihatkan sikap dinamik, aktif dan kreatif, bukan seperti yang diasumsikan oleh banyak orang, bahawa faham al-Ash`ari dalam kehidupan masyarakat Islam Jambi membawa kepada faham determinisme atau Jabariyyah, lebih ekstrim lagi berfaham fatalisme.

Adapun sikap sebahagian masyarakat, yang kelihatan seakan-akan jabariyyah dalam menjalankan kehidupan sehari-hari, agaknya ada kaitannya dengan faktor geografis, di antaranya, seperti disebutkan sebelumnya, pada bulan-bulan tertentu kebanyakan lapangan pertanian penduduk digenangi oleh banjir yang berlanjut berbulan-bulan. Ini membawa kepada sikap masyarakat yang 'kurang' kreatif dalam usaha, meskipun mereka sudah berusaha mengalihkan usahanya kepada yang lain, namun usaha ini sudah barang tentu tidak optimal, jika ditinjau dari sudut yang lain. Keadaan inilah yang membuat usaha masyarakat, pada masa-masa tertentu, terhenti buat sementara, sambil menunggu masa yang sesuai untuk bekerja. Namun, jika dianalisis lebih jauh, kreativiti dan semangat kerja yang tinggi yang ditunjukkan oleh mereka tidak dapat dinafikan. Kenyataan ini dapat diajukan kerana realiti menunjukkan bahawa orang-orang tua dahulu, di Jambi, sentiasa berusaha menciptakan peluang pekerjaan, yang memakan waktu yang cukup lama dan memakai alat-alat tradisional, seperti menebang hutan untuk kawasan perkebunan getah yang sampai hari ini masih dapat dinikmati oleh penduduk masyarakat Jambi. Ini menunjukkan kepada kita bahawa masyarakat Jambi sejak dahulunya telah memperlihatkan kedinamisannya

dalam kehidupan mereka. Sama ada dalam bersikap mahupun pola fikirnya, yang jauh ke depan. Jadi, dapat diambil suatu ketegasan bahawa masyarakat Islam Jambi berfahaman teologi al-Ash`ari. Dalam etos kerja mereka kelihatan begitu kreatif dan dinamik.

6.1.4 Kecenderungan Aliran Masyarakat Islam Jambi

Berdasarkan kajian yang dilakukan, masyarakat Islam Jambi adalah penganut setia teologi al-Ash`ari. Meskipun pemahaman mereka terhadap akidah, ada yang nampaknya mengikuti pandangan yang telah dirumuskan oleh para ulama al-Ash`ariyyah, tetapi hal itu apabila dianalisis dan ditelaah secara mendalam ternyata tidaklah berbeza dengan apa yang telah dirumuskan oleh al-Ash`ari sendiri. Hal ini merupakan khazanah pemikiran *kalām* dari masyarakat Islam Jambi, dan pada akhirnya pandangan-pandangan teologis dari para teolog wajar diletakan sebagai panutan dan contoh sejarah yang telahpun pernah ada dalam perkembangan pemikiran *kalām*.

Statemen ini dapat dilihat dari lapan masalah *kalām* yang telah dikemukakan di dalam tesis ini, mereka boleh dikatakan mengikuti secara penuh pendapat al-Ash`ari dalam semua masalah, iaitu dalam masalah *ru`yat* Tuhan, *kalām* Tuhan, Kekuasaan Mutlak Tuhan, perbuatan manusia, janji dan ancaman Tuhan dan masalah konsep iman dan tanggapan terhadap pelaku dosa besar. Begitu juga dalam masalah sifat-sifat Tuhan, meskipun kelihatan mereka dalam hal ini lebih dekat kepada pendapat al-Sanūsi, yang merumuskan dan mempopulerkan sifat-sifat Tuhan yang wajib diketahui kepada sifat dua puluh. Tapi hal itu jika di kembalikan kepada persoalan asas ternyata tidaklah berbeza dengan pandangan pendahulunya, al-Ash`ari. Iaitu sama-sama mengakui adanya sifat-sifat Allah.

6.2 SARANAN

Dari penjelasan-penjelasan terdahulu, dapat diketahui bahawa masyarakat Islam Jambi berfahaman teologi al-Ash`ari⁷, dan masih tetap konsisten dengan teologi tersebut. Dalam pengaplikasian ajaran tersebut, masyarakat Islam Jambi memiliki semangat dan etos kerja yang tinggi. Kerana itu, menilai aliran al-Ash`ari⁷ sebagai aliran fatalisme, sebagaimana yang dikemukakan oleh sementara ahli, tidaklah tepat.

Dengan mengangkat tema pengaruh pemikiran *kalām* al-Ash`ari⁷ terhadap doktrin akidah masyarakat Islam Jambi ini, penulis berharap boleh merangsang munculnya penelitian-penelitian sejenis terhadap tokoh-tokoh teologis lainnya dan aliran-aliran teologi yang ada. Kerana suatu “pemikiran” bersifat lebih mendasar dan filosofis daripada “buah pemikirannya”, maka pewarisan hasil pemikiran teologis masa lalu hanya sesuai untuk orang awam yang memang mengharapkannya sebagai pegangan, sedangkan bagi para intelektual perlu mewarisi “pemikiran” yang menghasilkannya. Dengan menguasai “pemikiran” suatu aliran teologi, orang akan mudah mengadakan semacam “*tajdīd*” dalam teologi tersebut yang sesuai dengan zamannya.

Demikian pula, pemikiran teologi al-Ash`ari⁷, yang secara “sederhana” sudah terungkap di sini, boleh dianggap suatu alternatif acuan untuk pengembangan teologi Islam yang relevan dengan masa kini dan masa depan. Kerana eksistensi teologi al-Ash`ari⁷, di samping sifatnya tidak mengikat semua orang, juga tidak terlalu sulit untuk diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Teologi al-Ash`ari⁷, dengan karakteristik pemikirannya yang realistik dan pragmatis, bersikap positif terhadap kemajuan dunia ilmu pengetahuan dan teknologi, terbuka untuk menerima pembaharuan yang mempergunakan penemuan-penemuan

ilmu mutakhir yang dianggap bermanfaat, baik untuk menjelaskan materi akidah yang berasal dari al-Qur'an dan al-Sunnah, mahupun material untuk kepentingan argumentasi dalam pembuktian kebenaran materi tersebut. Jadi, tidak ada keberatan terhadap teologi al-Ash'ari⁷ dijadikan sebagai panutan umat manusia, yang hidup bergelumang dengan kemajuan sains dan teknologi di abad moden ini, bila telah diusahakan pembaharuannya dengan berlandaskan pemikiran al-Ash'ari⁷ dalam teologinya.

Semua pertimbangan yang telah dikemukakan di atas masih terpusat pada aspek pengaruh pemikirannya yang menjadi fokus pembahasan dalam tesis ini. Hal ini akan menjadi lebih sempurna jika ditopang oleh penelitian lain tentang teologi al-Ash'ari⁷ dari aspek material doktrinnya, dan relevansinya dengan kondisi objektif umat Islam sekarang, khususnya di Jambi, Indonesia. Akhirnya, penulis hanya berharap semoga kehadiran tesis ini membawa manfaat bagi penulis, umat; dan kepada Allahlah terpulang segala puji syukur atas segala nikmat-Nya.